



**HARUN (dua kanan) menyampaikan hamper kepada Musnin diperhatikan Abdullah (tiga kanan) dan Dr Ismail (tiga kiri)**

## **Golf anjuran Pengarah UMSKAL meriah**

UB 9.4.2013 A15

**L A B U A N :** Satu pertandingan golf anjuran Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah diadakan di Kelab Golf Labuan di Tanjung Taras, baru-baru ini.

Seramai 9 pegawai dan kakitangan menyertai pertandingan golf anjuran Prof Madya Dr Ismail Ali selaku pengurus pengajur.

Mereka ialah Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah, Pensyarah SPKAL, Raymond Liew, Penolong Pendaftar Kanan HEP, Musnin Mattersah, Pustakawan Kanan, Baharin Entoh dan Pegawai Teknologi Maklumat, Ismetzulfiqar Ahmad Shafee.

Turut menyertai pertandingan itu ialah Penolong Pendaftar HEP, Suffian Osman, Penolong Jurutera Kanan, Md Azrie Ag Tanjong, Pemandu Kanan, A Roslee A Karim dan Dr Ismail sendiri.

Menurut Dr Ismail,

pertandingan itu diadakan sempena Ulang Tahun ke-14 UMSKAL selain mengeratkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin antara staf UMSKAL.

“Saya berharap lebih ramai pegawai dan kakitangan UMSKAL menceburisukan golf untuk mewakili UMS pada masa akan datang,” katanya.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah di Rumah Kesumba sempena lawatan kerja beliau ke UMSKAL, Sabtu lalu.

Turut hadir Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said, Bendahari UMS, Haji Rizal Othman, Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya Dr Syed Nasirin Syed Zainul Abidin dan Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim.